

Pihak berkuasa Greece rampas rokok seludup dari kontena Malaysia

# 20 juta rokok seludup dirampas

**ATHENS, Greece** – Pihak berkuasa Greece kelmarin menyatakan mereka merampas sekitar 20 juta rokok seludup daripada beberapa buah kontena yang tiba dari Malaysia di Pelabuhan Piraeus di sini, lapor agensi berita AFP semalam.

Pihak berkuasa Greece dalam satu kenyataan memberitahu, rampasan besar itu dibuat pada Jumaat lalu ekoran maklumat daripada pihak berkuasa Britain.

Menurut pihak berkuasa Greece, setakat ini, polis masih menyiasat pihak penerima kargo berkenaan selepas nama yang tercatat pada dokumen pengangkutan didapati palsu.

Kenyataan itu menyatakan bahawa rokok yang dirampas itu adalah daripada jenama Jack Man dan Walton, dua jenama rokok yang tidak memiliki perijinan atau kebenaran untuk diedarkan di Eropah.

Greece kerap dijadikan pintu masuk rokok-rokok seludup ke Eropah dengan pihak kastam negara ini merampas jutaan rokok seludup pada setiap tahun, kebanyakannya dibawa dari Asia Barat.

Sementara itu, akhbar *The Journal of Turkish Weekly* pada 6 Januari lalu melaporkan bahawa Greece memiliki antara kadar perokok tertinggi di dunia.



SEMUA negara Eropah bekerjasama mencegah penyeludupan rokok haram. – Gambar hiasan

KOSMO 25/1/12 ms 3.

Namun, bilangan tersebut semakin menurun selepas Greece dihimpit krisis ekonomi dan tindakan pemerintah mengenakan cukai tinggi ke atas produk tembakau termasuk rokok.

Seorang profesor di Universiti Harvard, Amerika Syarikat dan Pengarah Pusat Ka-

walan Tembakau, Gregory Connolly berkata, cukai rokok naik dari 19 peratus kepada 23 peratus telah menyebabkan bilangan perokok di Greece menurun sebanyak 16 peratus pada tahun lalu.

Harga rokok selepas cukai di Greece adalah sekitar 3.88 euro (RM15.75) sekotak tetapi masih



PETA laluan penyeludupan rokok.

di antara termurah di Eropah. Menurut akhbar berkenaan, terdapat sekitar 3.8 juta perokok di Greece.

Masalah ekonomi yang menyebabkan pengangguran meningkat telah menyebabkan rokok haram memasuki pasaran di negara-negara Eropah.

– Agensi

## INFO Mengenai Greece

- Hampir bankrap kerana masalah hutang
- Bergantung dengan pinjaman penyelamatan AS\$142.02 bilion (RM440.97 bilion) dari negara-negara Eropah dan Dana Kewangan Antarabangsa sejak 2010.
- Hutang lebih AS\$455.70 bilion (RM1.41 trilion)
- Penduduk dianggarkan 11.306 juta pada 2010
- Ibu negara Athens
- 98 peratus penduduk berbangsa Greek. Penduduk Muslim menjadi minoriti.

Sumber: AP, AFP dan Pejabat Komanwel dan Luar